

03 AUG 1997

Rekod

PENGGEMAR KAPAL TERBANG KAWALAN RADIO CIPTA REKOD MALAYSIA

LANGKAWI, 3 Ogos (Bernama) -- Penggemar model kapal terbang kawalan radio mencipta rekod Malaysia apabila berjaya menyeberangi dari Pulau Pinang ke Pulau Bidan dengan menggunakan model kapal terbang kawalan radio.

Walaupun Haji Mohamad Yusof Hassan, 51, gagal mencipta rekod dunia dengan menyeberangi Pulau Pinang ke Langkawi tetapi beliau berjaya menerbangkan model kapal terbang dari Padang Kota Lama di Pulau Pinang ke Pulau Bidan sejauh 37 kilometer dalam masa sejam dan lapan minit tanpa henti.

Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon melepaskan penerbangan itu di Pulau Pinang pagi ini.

Semasa bercakap kepada pemberita di sini, Yusof berkata keadaan angin dan masalah teknikal menghalang usahanya untuk sampai ke Dataran Lang di sini selepas mengisi minyak model kapal terbangnya di Pulau Payar.

"Saya akan membuat cubaan untuk memecahkan rekod di masa depan kerana saya ingin membuktikan bahawa "Malaysia Boleh"," katanya selepas menandatangani sijil pengesahan oleh Presiden Majlis Daerah Langkawi Haji Ismail Abdul Hamid.

Sijil itu seterusnya diserahkan kepada Pengarah Urusan Malaysia Book of Records (MBR) Ooi Han Eng.

Ooi memberitahu pemberita MBR akan menghantar cubaan Yusof itu ke Guinness Book of World Record di Britain kelak.

"Setakat ini MBR tidak mempunyai rekod selain daripada rekod yang dibuat olehnya iaitu penerbangan model kapal terbangnya dari Kuala Perlis ke Tanjung Rhu di sini dengan kejauhan 30 kilometer ketika Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA) 1995," katanya.

Yusof membuat percubaan Jumaat lepas tetapi gagal berikutan masalah teknikal dan keadaan angin.

Acara itu diadakan sempena perhimpunan dan pameran Osh Kosh East Fly-In Langkawi 1997 yang bermula Isnin lepas.

Osh Kosh itu dianjurkan oleh Le Proton LIMA Sdn Bhd dan sasarannya untuk promosi pelaburan di kalangan belia.

Lebih daripada 60 kapal terbang jenis mikro-ringan, satu kipas dan dua kipas dijangka mengambil bahagian pada pameran itu yang akan dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok. -- BERNAMA

NH NN AHH